



Laporan Aktiviti Tahunan

2008

JABATAN AUDIT NEGARA

No 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62518 Putrajaya, Malaysia.
Tel : + 6 03 8889 9000
Fax : +6 03 8888 4905
Email: feedback@audit.gov.my
Laman web: www.audit.gov.my



**LAPORAN AKTIVITI TAHUNAN
JABATAN AUDIT NEGARA
2008**

Perutusan Ketua Audit Negara

Pernyataan Korporat

Pengurusan Tertinggi

Carta Organisasi

Imbasan Pencapaian 2008

Program dan Aktiviti

- ❖ Program Pengurusan
- ❖ Program Pengauditan
- ❖ Hubungan di Peringkat Antarabangsa
- ❖ Aktiviti Jabatan

Keratan Akhbar

Glosari

iv

viii

xvi

xvii

xx

2

20

28

36

41

42



PERUTUSAN KETUA AUDIT NEGARA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, pada tahun 2008, Jabatan Audit Negara telah berjaya melakukan anjakan dan penambahbaikan dalam pengurusan Jabatan bagi menyaingi perubahan-perubahan semasa yang berlaku dalam bidang pengauditan. Agenda pembaharuan ini merupakan suatu usaha bagi mentransformasikan Jabatan ke arah sebuah entiti yang ampuh dan bertaraf dunia, serta mampu memenuhi kehendak pelanggan dan aspirasi rakyat. Dengan ini, Jabatan akan terus kekal relevan dan sentiasa memberikan nilai tambah ke arah mempertingkatkan daya saing dan penyampaian perkhidmatan awam yang lebih berkesan.

Bagi mengimbangi peranan Jabatan dengan perkembangan semasa, Jabatan telah menyediakan Perancangan Strategik bagi tahun 2008 hingga 2010. Melalui pelan ini, Jabatan bermatlamat untuk meningkatkan kecekapan dan pencapaian menerusi 3 teras strategik iaitu pementapan institusi melalui peningkatan kompetensi, kecemerlangan dari audit yang berkualiti dan berkesan dan melakukan *continual enhancement* terhadap kualiti laporan yang dikeluarkan.

Selaras dengan Perancangan Strategik ini, Jabatan telah menstruktur semula organisasi bagi memacu Jabatan ke arah operasi yang lebih efisien di samping memberi fokus kepada aktiviti-aktiviti audit yang utama. Sehubungan

dengan itu, Jabatan telah menerokai satu lagi bidang pengauditan iaitu Pengauditan Air dengan melancarkan Modul Pengauditan Pengeluaran Air Minum pada Hari Audit Se-Malaysia tahun 2008. Beberapa garis panduan yang berkaitan juga sedang disediakan iaitu Air Tidak Berhasil (NRW), Agihan Bekalan Air, Perkhidmatan Pelanggan Bekalan Air dan Pengurusan Projek Air. Saya percaya, struktur dan peranan baru ini akan dapat memantapkan lagi organisasi dan peranan Jabatan serta menjadi pendorong kepada kakitangan ke arah pementapan profesionalisme diri bagi merealisasikan perkhidmatan awam yang lebih berkualiti.

Jabatan juga sentiasa peka bagi menyahut seruan Kerajaan untuk membudayakan amalan berbelanja secara berhemat, di samping memasti dan menyarankan supaya perkhidmatan awam bersama-sama berganding bahu dalam merealisasikan hasrat ini. Langkah ini untuk memenuhi aspirasi rakyat bagi mewujudkan Kerajaan yang kukuh, berakauntabiliti dan berintegriti dengan mengurangkan pembaziran dan melakukan penambahbaikan yang berterusan, bagi menangani krisis ekonomi yang melanda.

Bagi memastikan kesinambungan saranan Kerajaan ini terus dihayati dan diamalkan, Indeks Akauntabiliti atau ringkasnya AI telah diaplikasikan dalam melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan bagi mengukur tahap pematuhan Jabatan dan Agensi terhadap peraturan dan prosedur pengurusan kewangan. Analisis dan rumusan dari penarafan ini telah menghasilkan beberapa cadangan penambahbaikan bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan iaitu seperti memperkasakan peranan dan keberkesanan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) serta jawatankuasa lain yang ditubuhkan, mewujudkan Unit Audit Dalam yang lebih cekap dan bebas serta mempertingkatkan penglibatan dan peranan Pegawai Pengawal.

Jabatan telah menterjemahkan rumusan dan hasil analisis penarafan yang telah dilaksanakan dalam penerbitan buku sulung "*Kecemerlangan Pengurusan Kewangan – Dari Perspektif Jabatan*

Audit Negara". Buku ini boleh dijadikan satu panduan khusus oleh Jabatan dan Agensi Kerajaan bagi melonjakkan prestasi pengurusan kewangan dan seterusnya mampu mencapai penarafan yang cemerlang.

Jabatan juga, telah mengatur strategi dengan melakukan usaha ke arah memantap dan memperkasakan peranan Unit Audit Dalam di pelbagai Kementerian dan Jabatan supaya dapat berfungsi dengan lebih berkesan. Matlamat ini telah dicapai melalui Simposium Audit Dalam dengan tema "*Ke arah Meningkatkan Prestasi Pengurusan Wang Awam*" yang diadakan di Akademi Audit Negara. Tema ini dipilih bagi menyatakan komitmen Jabatan terhadap perlunya kecekapan dan berhemat dalam membelanjakan wang awam bagi mengelakkan pembaziran.

Selaku badan pemantau bebas sektor awam, Jabatan juga perlu memenuhi ekspektasi *stakeholder* terhadap perkhidmatan yang diberikan. Untuk itu, Jabatan telah menjalankan kajian tahap kepuasan pelanggan terhadap Laporan Ketua Audit Negara bertujuan mendapatkan input untuk penambahbaikan. Hasil analisis yang dilakukan, menyatakan bahawa kebanyakan responden telah berpuas hati dengan laporan yang dikeluarkan di samping mengutarakan beberapa cadangan yang membina bagi meningkatkan lagi keberkesanan laporan yang disediakan.


Dari aspek hubungan luar pula, khususnya bidang Pengauditan Alam Sekitar, Jabatan telah menyertai beberapa program seperti Mesyuarat Projek Penyelidikan ASOSAI kali Ke-3 untuk menyediakan Garis Panduan Pengauditan Alam Sekitar dan Mesyuarat *Working Group on Environment Auditing (WGEA)* di China. Selain itu, Jabatan juga telah mengadakan kerjasama dengan Badan Pemeriksa Keuangan Republik Indonesia bagi membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan kajian pengurusan hutan.

Saya berharap dan berkeyakinan, bahawa Jabatan Audit Negara mampu berkembang secara mapan selaras dengan kemajuan-kemajuan dalam bidang pengauditan global bagi mempertingkatkan integriti dan tadbir urus perkhidmatan awam. Dengan struktur

organisasi dan modal insan yang mantap, kita akan berjaya.

Saya juga mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaan laporan Aktiviti Tahun 2008 ini.

Selamat Maju Jaya



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia

Pernyataan Korporat



PERNYATAAN KORPORAT

PELANTIKAN KETUA AUDIT NEGARA

- Ketua Audit Negara dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja mengikut Artikel 105 Perlembagaan Persekutuan. Seseorang yang telah memegang jawatan Ketua Audit Negara boleh dilantik semula tetapi tidak boleh dilantik bagi apa-apa jawatan lain dalam perkhidmatan Persekutuan atau perkhidmatan sesebuah Negeri. Ketua Audit Negara boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatan tetapi tidak boleh dilucutkan jawatannya kecuali atas asas dan kaedah yang sama bagi melucutkan jawatan seseorang Hakim Mahkamah Persekutuan.

MANDAT AUDIT

- Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menggariskan tanggungjawab Ketua Audit Negara untuk mengaudit Akaun Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Agensi Kerajaan, Pihak Berkuasa Awam Lain dan Badan-Badan yang ditentukan dengan perintah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Mandat bagi pengauditan Syarikat Kerajaan / Anak Syarikat Kerajaan juga diterima melalui Perintah daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Laporan Ketua Audit Negara bagi Kerajaan Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk dibentangkan di Parlimen. Manakala Laporan Ketua Audit Negara bagi Kerajaan Negeri dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong / Sultan / Raja / Yang di-Pertuan Besar / Yang di-Pertua Negeri untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.
- Ketua Audit Negara berkuasa penuh untuk mendapatkan segala maklumat dan keterangan serta penjelasan dalam menjalankan kewajibannya. Beliau berhak memeriksa semua dokumen dan boleh meminta individu tertentu memberi keterangan secara bersumpah serta memberi kuasa kepada mana-mana individu menjalankan penyiasatan dan pemeriksaan bagi pihak beliau. Di samping itu, Ketua Audit Negara juga boleh mendapatkan khidmat nasihat perundangan bagi menjalankan tugasnya. Segala keterangan dan maklumat yang didapati oleh Ketua Audit Negara berkaitan dengan kewajibannya adalah rahsia.

VISI	<ul style="list-style-type: none">•Menjadi penyumbang utama ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti sektor awam
MISI	<ul style="list-style-type: none">•Melaksanakan pengauditan secara profesional dan bebas serta mengemukakan laporan seimbang kepada Parlimen dan Dewan Perundangan Negeri ke arah meningkatkan akauntabiliti pengurusan awam
OBJEKTIF	<ul style="list-style-type: none">•Menyediakan Laporan Audit yang berkualiti dan menepati masa untuk dikemukakan kepada Parlimen/Dewan Undangan Negeri•Melaksanakan aktiviti pengauditan dan penyediaan laporan secara bebas dan seimbang•Memenuhi keperluan dan harapan daripada <i>stakeholders</i> dan auditi•Menguruskan aktiviti Audit dengan cekap dan berkesan•Menjadi majikan contoh
PIAGAM PELANGGAN	<ul style="list-style-type: none">•Menjalankan pengauditan secara profesional berpandukan kepada standard pengauditan antarabangsa•Mengesahkan Penyata Kewangan, mengeluarkan Sijil Audit dan menyiapkan Laporan Audit dalam tempoh empat bulan selepas penerimaan penyata kewangan tahunan•Menyediakan Laporan Audit yang seimbang tanpa prejudis dan prasangka
DASAR KUALITI	<ul style="list-style-type: none">•Jabatan Audit Negara adalah komited kepada pengauditan dan pelaporan yang berkualiti dan profesional selaras dengan standard pengauditan antarabangsa
SLOGAN KUALITI	<ul style="list-style-type: none">•Audit Berkualiti Meningkatkan Akauntabiliti

BUDAYA KORPORAT

PROFESIONALISME

- Memastikan tahap profesionalisme yang tinggi dalam pelaksanaan Audit dengan memberi penekanan kepada disiplin kakitangan dan kualiti kerja

KEBEBASAN

- Melaksanakan tugas tanpa kekangan supaya dapat melapor dan memberi pendapat dengan bebas selaras dengan peruntukan Akta Audit 1957

KUALITI

- Memastikan kualiti yang tinggi dalam melaksanakan tugas dengan menekankan kepada budaya kerja yang baik dan pembangunan profesional yang berterusan

INTEGRITI

- Mematuhi kod etika profesional dalam melaksanakan dan melaporkan penemuan Audit

ESPIRIT DE CORPS

- Menekankan kepentingan kerja berpasukan dengan mewujudkan persekitaran kerja yang produktif yang menekankan kepada semangat *esprit de corps* dan berinovasi

BERTANGGUNG JAWAB

- Bertanggungjawab di dalam semua tindakan sama ada sebagai juruaudit atau kakitangan Jabatan

**PERANCANGAN
STRATEGIK 2008 - 2010**

Perancangan Strategik Jabatan Audit Negara bagi tahun 2008 hingga 2010 merupakan usaha Jabatan bagi merangka strategi atau matlamat dan membuat keputusan berkenaan pengagihan sumber untuk membantu Jabatan menghadapi isu dan cabaran masa kini dan akan datang. Perancangan ini disediakan dengan mengambil kira keperluan untuk menyesuaikan peranan Jabatan selaras dengan perkembangan semasa. Matlamat utama perancangan strategik ini adalah untuk memupuk dan memantapkan prinsip-prinsip akauntabiliti dan integriti dalam perkhidmatan awam, mengeluarkan Laporan Audit yang berkualiti dan memperkasa Jabatan ke arah organisasi yang cemerlang bersesuaian dengan peranan Jabatan untuk memastikan kemantapan akauntabiliti awam serta membantu Kerajaan melaksanakan dasar dengan berhemah, cekap dan berkesan.



• TRANSFORMASI LOGO JABATAN AUDIT NEGARA




KETERANGAN LOGO

Lambang Persekutuan	Melambangkan punca kuasa dan kebebasan yang diperuntukkan kepada Ketua Audit Negara bagi mengaudit akaun Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun Persekutuan serta aktiviti Kementerian / Jabatan / Agensi / Syarikat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri
Dua Tangkai Padi	Melambangkan usaha dan kegigihan warga Audit untuk meningkatkan produktiviti Jabatan secara berterusan serta pelaporan seimbang yang diamalkan oleh Jabatan Audit Negara
Bentuk Bulat	Melambangkan keteguhan dan keutuhan semangat kerja berpasukan di kalangan warga Audit sebagai penyumbang utama ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti sektor awam dalam menghadapi era globalisasi
Warna Maroon	Melambangkan imej korporat dan identiti Jabatan Audit Negara
Warna Kuning	Melambangkan kedaulatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara yang melantik Ketua Audit Negara atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja
Warna Putih	Melambangkan keikhlasan dan ketelusan Jabatan dalam melaksanakan tanggungjawabnya untuk memastikan wujudnya akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan sektor awam

KOD ETIKA JURUAUDIT

Kod etika dikeluarkan untuk menjadi panduan kepada semua anggota Audit selaras dengan hasrat bagi mempertingkatkan prestasi dan profesionalisme Jabatan bersesuaian dengan fungsi Jabatan untuk meningkatkan akauntabiliti dalam pengurusan wang awam.



Pengurusan Tertinggi



PENGURUSAN TERTINGGI



Y. Bhg. Tan Sri Dato' Setia Hj. Ambrin Bin Buang
Ketua Audit Negara



Y. Bhg. Dato' Azizah Hj. Arshad
Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)



Y. Bhg. Dato' Haji Anwari Bin Suri
Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri)



Encik Boon Jon Lin
Pengarah Sektor Audit
Badan Berkanun Persekutuan



Y. Bhg. Dato' Mustafa Bin Hj. Saman
Pengarah Sektor Audit Kerajaan
Persekutuan (Sosial & Keselamatan)



Puan Ong Swee Leng
Pengarah Sektor Audit Kerajaan
Negeri




Tuan Haji Aziz Bin Mohd Akil
Pengarah Sektor
Pengurusan



Puan Lau Tze Ngik
Pengarah Sektor Audit Kerajaan
Persekutuan (Kewangan)



Encik Mohamed Nor Bin Hassan
Pengarah Sektor Audit Khas
Dan Penyelidikan



Tarikh Kurat Kurasa - 01 Januari 2009

Imbasan

Pencapaian 2008



IMBASAN PENCAPAIAN 2008

- ❖ Jabatan Audit Negara telah diperuntukkan sejumlah RM114 juta perbelanjaan Mengurus dan sejumlah RM7.65 juta perbelanjaan Pembangunan.
- ❖ Penstrukturan semula Jabatan Audit Negara pada Mac 2008 telah mengubah struktur organisasi Jabatan kepada 2 program utama iaitu Program Pengurusan dan Program Pengauditan.
- ❖ Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2007 yang telah dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri adalah :
 - Penyata Akaun Awam, Aktiviti dan Pengurusan Syarikat Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan.
 - Penyata Akaun Awam, Pengurusan dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan.
 - Penyata Akaun Awam dan Aktiviti Jabatan/Kerajaan Negeri.
- ❖ Pelaksanaan Pengauditan :
 - Sektor Audit Kerajaan Persekutuan telah mengeluarkan Sijil Bersih terhadap Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan pada 30 Mei 2008.
 - Sektor Audit Kerajaan Negeri telah mengesahkan sejumlah 253 Penyata Kewangan Kerajaan/Majlis Agama Islam/Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.
 - Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan telah mengesahkan sejumlah 122 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan dan Kumpulan Wang.
 - Pengauditan Pengurusan Kewangan : Indeks Akauntabiliti telah dilaksanakan terhadap :
 - 27 Kementerian
 - 34 Jabatan Persekutuan
 - 32 Badan Berkanun Persekutuan
 - 13 Pejabat Kewangan Negeri
 - 166 Jabatan/Agensi Negeri
 - Pengauditan Prestasi telah dilaksanakan bagi 167 aktiviti Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi seluruh negara.
 - Pengauditan Pengurusan Syarikat telah dijalankan terhadap 36 syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965.
 - Pemeriksaan Mengejut/Penampilan Audit telah dilaksanakan di 323 Jabatan/Pejabat Kerajaan.
 - Pengauditan Khas telah dilaksanakan terhadap 10 aktiviti atas permintaan Agensi Pusat/*Stakeholder*.
 - Sejumlah 59 Penilaian Khas terhadap Prestasi Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi telah dilaksanakan.
- ❖ Sejumlah 13 Jabatan/Agensi telah menyertai Program Anak Angkat di bawah kelolaan Jabatan Audit Negara.
- ❖ Modul Pengauditan Pengeluaran Air Minum telah dilancarkan pada 24 Oktober 2008 sempena Hari Audit Se-Malaysia 2008. Empat (4) Garis Panduan berkaitan yang akan dilancarkan adalah :
 - Garis Panduan Air Tidak Berhasil (NRW)

- Garis Panduan Agihan Bekalan Air
 - Garis Panduan Perkhidmatan Pelanggan Bekalan Air
 - Garis Panduan Projek Air
- ❖ Ke arah meningkatkan produktiviti dan kualiti Jabatan :
- Kajian ringkas mengenai Petunjuk Prestasi Utama Strategik Jabatan Audit Negara tahun 2008.
 - Kajian kepuasan pelanggan terhadap Laporan Ketua Audit Negara tahun 2006.
- ❖ Jalinan Antarabangsa :
- Lawatan dan kunjungan hormat kepada Ketua Audit Negara oleh delegasi dari Pesuruhjaya Tinggi Pakistan, Badan Pemeriksa Keuangan Republik Indonesia dan China.
 - Persidangan Kali Ke-20 Ketua-ketua Audit Negara Komanwel.
 - Lawatan Kerja Ketua Audit Negara ke *National Audit Office, United Kingdom* dan Mesyuarat Lembaga Pengelola ASOSAI.
 - Mesyuarat Penyediaan Garis Panduan Pengauditan Alam Sekitar di bawah Projek Penyelidikan dibawah ASOSAI.
 - Mesyuarat Teknikal dengan Badan Pemeriksa Keuangan Republik Indonesia (BPK-RI) dalam bidang Pengauditan Perhutanan, Pengauditan Cukai Pendapatan dan kerjasama latihan.
 - Mesyuarat WGEA di Hangzhou China.
 - Kursus MTCP Audit Prestasi dan IT di Akademi Audit Negara.
- ❖ Hasil penstrukturan semula Jabatan pada tahun 2008, perjawatan yang diluluskan di Jabatan Audit Negara telah meningkat sejumlah 481 jawatan (29.7%) berbanding tahun sebelumnya iaitu daripada 1,620 jawatan kepada 2,101 jawatan.
- ❖ Seramai 94 orang pegawai dan kakitangan telah diberi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.
- ❖ Penerbitan Jabatan :
- Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan – Dari Perspektif Jabatan Audit Negara
 - Buku *Tiger Zainal – Reminiscence of an Auditor*
 - *Booklet – Accountability Index Financial Management*
- ❖ Pelaksanaan pembinaan pejabat Audit bagi Pejabat Cawangan Audit Negeri Perak, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Terengganu dan Kelantan.
- ❖ Majlis pecah tanah pembinaan Pejabat Audit Cawangan Negeri Perak telah disempurnakan oleh Y.Bhg. Tan Sri Ketua Audit Negara pada 4 April 2008.
- ❖ Simposium Audit Dalam telah diadakan pada 24-25 April 2008 di Akademi Audit Negara Bandar Enstek Nilai Negeri Sembilan.
- ❖ Hari Audit Se-Malaysia telah diadakan pada 24 Oktober 2008 di Akademi Audit Negara Bandar Enstek Nilai Negeri Sembilan.
- ❖ Akademi Audit Negara telah menganjurkan sejumlah 86 kursus/bengkel dalam bidang pengauditan, perakaunan, ICT dan pengurusan yang melibatkan seramai 3,059 peserta.

- ❖ Membangun dan memperluaskan aplikasi IT :
 - Portal Jabatan Audit Negara
 - Sistem e-Peperiksaan
 - Sistem *Integrated Campus Management System (ICMS)*

- ❖ Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 :
 - Bengkel penyediaan dokumen telah diadakan di INTAN Wilayah Timur Terengganu dan di Akademi Audit Negara pada November dan Disember 2008.

- ❖ Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) :
 - Kumpulan dari Sektor Audit Kerajaan Persekutuan telah dipilih bagi mewakili Jabatan ke Konvensyen KMK Peringkat Wilayah Persekutuan di Perbadanan Putrajaya pada Julai 2008.
 - Kumpulan Dinamik dari Cawangan Audit Negeri Sembilan telah menjuarai Konvensyen KMK Peringkat Negeri yang telah diadakan di Sarawak pada November 2008

Program & Aktiviti

Program Pengurusan



❖ PROGRAM PENGURUSAN

Melalui penstrukturan semula Jabatan Audit Negara pada Mac 2008, struktur Jabatan ini telah diubah daripada enam kepada dua program iaitu Program Pengurusan dan Program Pengauditan. Di bawah Program Pengurusan, aktiviti yang dilaksanakan merangkumi pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan, pembangunan dan pentadbiran pejabat, pengurusan teknikal, pengurusan teknologi maklumat dan pengurusan korporat. Fungsi pengurusan merupakan fungsi sokongan kepada fungsi utama Jabatan iaitu Pengauditan.

Fungsi Program Pengurusan termasuk perancangan sumber manusia yang merupakan fungsi kritikal bagi memastikan Jabatan Audit Negara berupaya melaksanakan fungsinya melalui pendekatan *“get the right number of personnel with the right competency at the right time to perform the right task at the right position”*. Fungsi-fungsi lain Pengurusan adalah :

- Pembangunan sumber manusia yang meliputi aspek latihan dan pembangunan kerjaya termasuklah melaksanakan kursus-kursus generik dan fungsian bagi pegawai guna sama Jabatan yang dilaksanakan di luar Akademi Audit Negara secara *outsourcing*.
- Pengurusan hal ehwal berkaitan dengan perkhidmatan pegawai-pegawai Jabatan yang meliputi aspek pengesahan dalam jawatan, pemangkuan dan kenaikan pangkat, penempatan, pertukaran, saraan dan elaun serta faedah-faedah perkhidmatan, cuti, penilaian prestasi, kaunseling, tatatertib dan persaraan. Rekod perkhidmatan pegawai diurus, dikemas kini dan dimuat naik ke dalam HRMIS.
- Pengurusan Kewangan melibatkan aktiviti pengurusan kewangan yang merangkumi aspek penyediaan belanjawan, pembayaran bil, pembayaran gaji dan elaun, perolehan dan pengurusan aset.
- Unit Pembangunan berfungsi untuk merancang, mengurus dan menyelaras projek-projek pembinaan Ibu Pejabat Jabatan Audit Negara dan pejabat Cawangan Audit di Negeri-negeri, penyewaan dan ubahsuai ruang pejabat Jabatan Audit Negara serta cawangannya.
- Pengurusan pejabat merangkumi kerja-kerja *housekeeping*, kawalan keselamatan pejabat, pengurusan kenderaan Jabatan dan susun atur pejabat.
- Pengurusan teknikal berfungsi melaksanakan pengauditan prestasi projek yang berkaitan dengan aspek teknikal bagi menyokong laporan pengauditan.
- Pengurusan Korporat merupakan fungsi yang diletakkan di bawah Bahagian Hal Ehwal Korporat. Bahagian ini melaksanakan fungsi urus setia Mesyuarat Pengurusan Jabatan, ISO, Ceramah Eksekutif dan KMK peringkat Jabatan. Bahagian ini juga adalah penyelaras dalam penerbitan Buletin Audit dan Jurnal Audit, Laporan Aktiviti, urusan Parlimen, aduan pelanggan, Manual Prosedur Kerja Jabatan dan kaunter Ibu Pejabat Jabatan Audit Negara.

◆ Mesyuarat Jabatan

Jabatan Audit Negara telah mengadakan Mesyuarat Pengurusan mengikut jadual yang dirancang dan Mesyuarat Jawatankuasa-jawatankuasa tertentu secara berkala sebagaimana yang ditetapkan. Ini adalah untuk memastikan semua Rancangan Tahunan Jabatan dilaksanakan dengan lancar dan mencapai objektif yang ditetapkan serta untuk memantapkan lagi pengurusan Jabatan.

MESYUARAT UTAMA JABATAN


BIL	MESYUARAT	KEKERAPAN
1.	Mesyuarat Pengurusan	18
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun	4
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan	4
4.	Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan	3
5.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan	4
6.	Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan	4

● **Sumber Manusia**

Perjawatan yang diluluskan bagi Jabatan Audit Negara pada tahun 2008 telah meningkat kepada 2,101 jawatan dan daripada jumlah tersebut sejumlah 1,885 jawatan telah diisikan. Perinciannya adalah seperti berikut:

KEDUDUKAN PERJAWATAN MENGIKUT KUMPULAN PERKHIDMATAN

KUMPULAN PERKHIDMATAN	2007		2008	
	LULUS	ISI	LULUS	ISI
JUSA	7	7	12	12
Pengurusan dan Profesional	275	266	418	383
Sokongan	1,338	1,226	1,671	1,490
JUMLAH	1,620	1,499	2,101	1,885




AKTIVITI PENGURUSAN SUMBER MANUSIA TAHUN 2008

BIL.	PERKARA	JUMLAH URUSAN
1	URUSAN PELANTIKAN	BIL. PEGAWAI
	Pelantikan Juruaudit Gred W41	43
	Pelantikan Penolong Juruaudit Gred W27	139
	Pelantikan Pembantu Am Pejabat Gred N1 (Ibu Pejabat)	5
	Pelantikan Pemandu Kenderaan Gred R3 (Negeri)	11
2	PERTUKARAN	183
3	PENGESAHAN JAWATAN	69
4	PERSARAAN	BIL. PEGAWAI
	Ibu Pejabat	6
	Cawangan Audit /Akademi Audit Negara	17
5	URUSAN LUAR NEGARA	KEKERAPAN
	Lawatan Luar Negara Urusan Rasmi	15 kali
	Lawatan Luar Negara Urusan Tidak Rasmi	37 kali
6	KELULUSAN PEMBELAJARAN SEPARUH MASA	30 kali
7	URUSAN LATIHAN INDUSTRI	38 kali
8	PENYEDIAAN KEW. 8	BILANGAN KES
	Urusan Pergerakan Gaji Tahunan	697
	Urusan Pemangkuan	375
	Urusan Kenaikan Pangkat	167
9	PERAKUAN KE JAWATAN BERPENCEN	25
10	URUSAN CUTI	778



• **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang**

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) merupakan penghargaan Kerajaan kepada anggota Perkhidmatan Awam yang telah memberi perkhidmatan cemerlang. Panel Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Audit Negara dalam mesyuaratnya pada 4 Jun 2008 telah memutuskan seramai 94 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Audit Negara akan diberikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi prestasi perkhidmatan tahun 2007. Pecahan penerima APC berdasarkan jawatan adalah seperti carta berikut :



• **Latihan dan Kursus**

Sepanjang tahun 2008, Akademi Audit Negara telah menganjurkan sejumlah 86 kursus/latihan yang melibatkan seramai 3,059 peserta. Pecahan bagi jumlah kursus dan bilangan peserta adalah seperti berikut:



• **Kompetensi**

Jenis dan bilangan peperiksaan yang telah dilaksanakan pada tahun 2008 adalah seperti berikut:-

PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN TAHUN 2008

BILANGAN	TARIKH	GRED	BILANGAN CALON		
			PERLEMBAGAAN & UNDANG-UNDANG	PERAKAUNAN	PENGAUDITAN
1/2008	24 - 26 Jun 2008	W41	4	20	6
		W27	41	28	69
		W17	0	1	2
2/2008	16 - 18 Disember 2008	W41	23	25	24
		W27	149	144	162
		W17	0	13	13

**PEPERIKSAAN KHAS KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN (KPSL)
KE SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG JURUAUDIT (GRED W27)**

BILANGAN	TARIKH	GRED	BILANGAN CALON		
			PERLEMBAGAAN UNDANG-UNDANG PERATURAN KEWANGAN & PENTADBIRAN	PERAKAUNAN	PENGAUDITAN
1/2008	24 - 26 Jun 2008	W17 hingga W26	12	15	18
2/2008	16 - 18 Disember 2008	W17 hingga W26	5	7	9

PEPERIKSAAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN TAHUN 2008

BILANGAN	TARIKH	GRED	BILANGAN CALON	
			KOMPETENSI UMUM	KOMPETENSI KHUSUS
1/2008	26- 27 Februari 2008	W41	18	40
		W32	5	16
		W27	62	76
		W22	2	3
		W17	17	18
2/2008	20- 21 Mei 2008	W41	18	34
		W32	5	13
		W27	56	72
		W22	4	5
		W17	12	16
3/2008	22- 23 Julai 2008	W41	12	27
		W32	2	11
		W27	59	80
		W22	1	2
		W17	7	7
4/2008	25 - 26 November 2008	W41	20	35
		W32	49	53
		W27	78	106
		W22	6	8
		W17	9	16

● Pengurusan Prestasi

Pengurusan Prestasi diwujudkan bagi menguruskan pembangunan kerjaya pegawai-pegawai di Jabatan Audit Negara seperti urusan kenaikan pangkat dan pemangkuan, penanggungan kerja, pelantikan secara pinjaman atau pertukaran sementara, Laporan Nilai Prestasi Tahunan, tatatertib, pengisytiharan harta serta penganugerahan pingat atau bintang. Pencapaian aktiviti pada tahun 2008 adalah seperti berikut:

AKTIVITI PENGURUSAN PRESTASI TAHUN 2008

BIL	AKTIVITI	BIL PEGAWAI
A.	KENAIKAN PANGKAT (BUKAN GUNASAMA)	
1.	JUSA C	1
2.	Juruaudit Gred W54	3
3.	Gred W52	6
4.	Ke Gred W48	8
5.	Ke Gred W44	21
6.	Ke Gred W36	15
7.	Penolong Juruaudit Gred W32	95
8.	Pembantu Juruaudit Gred W26	3
9.	Pembantu Juruaudit Gred W22	22
B.	KENAIKAN PANGKAT (GUNASAMA)	
1.	Pegawai Tadbir Diplomatik Gred M52	1
2.	Pegawai Tadbir Diplomatik Gred M48	1
3.	Pegawai Tadbir Diplomatik Gred M44	1
4.	Pembantu Tadbir Kesetiausahaan Gred N32	1
5.	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22	1
6.	Pembantu Am Pejabat Gred N1	4
C.	PEMANGKUAN (BUKAN GUNASAMA)	
1.	Gred Utama JUSA C	7
2.	Gred W54	13
3.	Gred W52	35
4.	Gred W48	48
5.	Gred W44	86
6.	Gred W36	74
7.	Penolong Juruaudit Gred W32	156
8.	Pembantu Juruaudit Gred W26	12
9.	Pembantu Juruaudit Gred W22	12
D.	PERAKUAN TANGGUNG KERJA	
1.	Kumpulan Pengurusan dan Profesional	37
2.	Kumpulan Sokongan	158
E.	PERAKUAN PELANTIKAN SECARA PINJAMAN	
1.	Juruaudit Gred W52	1
2.	Juruaudit Gred W48	5
3.	Juruaudit Gred W44	3
4.	Juruaudit Gred W41	1
5.	Penolong Juruaudit Gred W32	1
6.	Penolong Juruaudit Gred W27	1
F.	MESYUARAT PANEL PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA	
1.	Keputusan Anjakan Gaji Tahun 2008	39
2.	Keputusan Pergerakan Gaji Secara Biasa Tahun 2008	1429

BIL	AKTIVITI	BIL PEGAWAI
3.	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2007	94
G.	LAPORAN PENILAIAN PRESTASI TAHUN 2007	
1.	Menyemak dan memproses Laporan Penilaian Prestasi	1468
2.	Merekodkan markah	1468
3.	Menyimpan LNPT ke dalam Fail Dosia	1468
H.	MESYUARAT LEMBAGA TINDAKAN TATATERTIB	
1.	Hukuman Amaran dan Lucut Hak Gaji Dan Emolumen Selama 1 hari	1
2.	Hukuman Buang Kerja	1
I.	PENCALONAN PINGAT/ANUGERAH PERINGKAT PERSEKUTUAN/NEGERI	46
J.	PENGISYTIHARAN HARTA	268
K.	MESYUARAT JAWATANKUASA KEUTUHAN PENGURUSAN	4 kali
L.	PENEMPATAN PEMANGKUAN	581


• **Kewangan dan Pentadbiran**

Peruntukan perbelanjaan Mengurus Jabatan Audit Negara tahun 2008 adalah berjumlah RM114.077 juta iaitu peningkatan sebanyak RM9.777 juta (8.5%) dari tahun 2007. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM111.8 juta (97.9%) telah dibelanjakan. Maklumat terperinci adalah seperti di jadual berikut :

PRESTASI PERBELANJAAN MENGRUS TAHUN 2008

PERKARA	2007			2008		
	PERUNTUKAN (RM)	BELANJA (RM)	%	PERUNTUKAN (RM)	BELANJA (RM)	%
Emolumen	57,213,200	52,255,606	91.33	64,423,740	64,127,506	99.54
Perkhidmatan dan Bekalan	42,603,600	41,422,081	97.23	46,993,860	45,271,794	96.34
Aset	4,395,800	4,341,907	98.77	2,579,400	2,312,439	89.65
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	69,800	64,757	92.78	55,000	51,074	92.86
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	15,000	11,958	79.72	25,000	22,927	91.71
JUMLAH	104,297,400	98,096,309	94.05	114,077,000	111,785,740	97.99

**PRESTASI PERBELANJAAN MENGRUS
BAGI TAHUN 2007-2008 MENGIKUT OBJEK AM**



Berdasarkan carta di atas, terdapat peningkatan peratus perbelanjaan terhadap emolumen, perkhidmatan dan bekalan, pemberian dan kenaan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain. Peningkatan ini adalah berikutan penstrukturan semula Jabatan akibat pertambahan kakitangan baru. Bagaimanapun terdapat pengurangan peratus perbelanjaan bagi aset berbanding tahun 2007. Ini disebabkan pada tahun 2008, peruntukan aset sejumlah RM1.5 juta telah ditarik balik oleh Kementerian Kewangan selaras dengan arahan berjimat cermat Kerajaan. Secara keseluruhannya, prestasi perbelanjaan Jabatan bagi tahun 2008 adalah mencapai 97.99%.


◆ **Pembangunan**

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Jabatan Audit Negara telah diluluskan peruntukan Pembangunan sejumlah RM70.3 juta bagi melaksanakan projek pembinaan 7 Pejabat Cawangan Audit Negeri, Projek Sambungan Akademi Audit Negara dan Projek Pengkomputeran Jabatan. Sehingga tahun 2008 sejumlah RM19.3 juta telah dibelanjakan. Maklumat terperinci perbelanjaan adalah seperti di jadual berikut :

**PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
TAHUN 2007-2008**

PROJEK	2007			2008		
	PERUNTUKAN (RM)	BELANJA (RM)	%	PERUNTUKAN (RM)	BELANJA (RM)	%
Akademi Audit Negara /Pembinaan Pejabat	3,000,000	2,863,556	95.45	5,866,850	5,866,849	99.99
Projek Pengkomputeran	5,644,550	5,635,964	99.85	1,786,000	1,379,444	77.24
JUMLAH	8,644,550	8,499,520	98.32	7,652,850	7,246,293	94.69

**PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
TAHUN 2007-2008**



• **Pembinaan Pejabat Audit Cawangan Negeri**

Pembinaan tujuh pejabat Cawangan Audit Negeri telah diluluskan di bawah RMK-9. Proses perolehan dan pengambilan tanah telah dilaksanakan dalam tahun 2006/2007. Jabatan Kerja Raya (JKR) dilantik sebagai agensi pelaksana dan juru perunding arkitek bagi reka bentuk bangunan pejabat Cawangan Audit Negeri berkenaan.

Pejabat Audit Cawangan Negeri Perak merupakan yang pertama memulakan kerja-kerja binaan di atas tapak seluas 3.45 ekar dengan kos pembinaan sejumlah RM8,384,991.25. Pihak JKR telah menyerahkan tapak tersebut kepada pihak kontraktor pada 15 April 2008. Sehingga 31 Disember 2008 kemajuan kerja sebenar yang telah dicapai ialah sebanyak 30%.

Projek pembinaan seterusnya adalah pejabat Audit Cawangan Negeri Pahang yang dibina di atas tanah seluas 3 ekar dengan kos pembinaan sejumlah RM13,035,000. Penyerahan tapak kepada kontraktor yang terlibat telah dilakukan pada 30 Disember 2008.

Bagi projek pembinaan pejabat Cawangan Audit Negeri Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Terengganu dan Kelantan, proses reka bentuk bangunan telah dijalankan oleh pihak JKR bersama-sama dengan juru perunding arkitek yang dilantik. Setiap reka bentuk bangunan telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Jabatan Audit Negara yang dipengerusikan oleh Ketua Audit Negara untuk kelulusan.

**FOTO PROJEK PEMBINAAN PEJABAT
CAWANGAN AUDIT NEGERI PERAK PADA OKTOBER 2008**



◆ Perolehan

Perolehan di Jabatan Audit Negara telah dilaksanakan secara Pembelian Terus, Sebut harga, Tender dan Rundingan Terus melalui Sistem e-Perolehan. Ia diuruskan dengan teratur dan berkesan dengan mematuhi semua peraturan yang berkaitan berlandaskan prinsip-prinsip akauntabiliti awam, dibuat secara telus (transparent), nilai faedah yang terbaik (value for money), saingan terbuka, adil dan saksama serta mematuhi peraturan dan prosedur yang berkuat kuasa. Jabatan Audit Negara juga telah membuat perolehan aset bagi pejabat Cawangan Audit di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Maklumat peruntukan dan perbelanjaan perolehan tersebut adalah seperti di jadual berikut :

PEROLEHAN ASET TAHUN 2008

BIL	LOKASI	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
1.	Ibu Pejabat Putrajaya	550,000	370,133
2.	Cawangan Audit Negeri Johor	60,650	49,999
3.	Cawangan Audit Negeri Kedah	53,750	47,838
4.	Cawangan Audit Negeri Melaka	69,100	68,449
5.	Cawangan Audit Negeri Sembilan	1,600	1,500
6.	Akademi Audit Negara	298,096	298,097
7.	Cawangan Audit Negeri Pahang	28,900	28,254
8.	Cawangan Audit Negeri Perak	45,500	39,789
9.	Cawangan Audit Negeri Pulau Pinang	32,050	19,414
10.	Cawangan Audit Negeri Perlis	10,100	10,075
11.	Cawangan Audit Negeri Kuching	50,200	50,126
12.	Cawangan Audit Sibu	1,300	1,285
13.	Cawangan Audit Negeri Sabah	65,900	65,584
JUMLAH		1,267,146	1,050,543

◆ Teknologi Maklumat

Peruntukan keseluruhan bagi perbelanjaan Pembangunan Projek Pengkomputeran Jabatan Audit Negara bagi RMK-9 adalah sejumlah RM15 juta dan pada tahun 2008, sejumlah RM2.04 juta telah dibelanjakan. Antara usaha yang telah dilaksanakan pada tahun 2008 bagi tujuan meningkatkan literasi dan pembudayaan ICT adalah seperti berikut :

▪ Perolehan Peralatan ICT

Perolehan peralatan ICT adalah meliputi komputer peribadi, komputer riba, pencetak, mesin pengimbas dan projektor LCD. Pada tahun 2008, Jabatan telah membuat perolehan sebanyak 55 unit komputer peribadi, 48 unit komputer riba, 45 unit pencetak warna, 45 unit pencetak hitam putih, 45 unit mesin pengimbas dan 3 unit projektor LCD bagi kegunaan warga Jabatan Audit Negara. Agihan peralatan mengikut Sektor adalah seperti di jadual berikut :

AGIHAN PERALATAN ICT TAHUN 2008

SEKTOR	KOMPUTER PERIBADI	KOMPUTER RIBA	PENCETAK WARNA	PENCETAK HITAM PUTIH	PENGIMBAS	PROJEKTOR LCD
Sektor Pengurusan	23	9	12	10	12	3
Sektor Audit Kerajaan Persekutuan	14	4	6	13	19	-
Sektor Audit Kerajaan Negeri	18	35	21	22	11	-
Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan	-	-	6	-	3	-
JUMLAH	55	48	45	45	45	3

- **Pembangunan Portal Jabatan Audit Negara**

Portal baru Jabatan dibangunkan bagi menggantikan laman sesawang yang dibangunkan pada tahun 2005. Portal ini telah dilancarkan pada 23 Oktober 2008 sempena Hari Audit Se-Malaysia.

- **Pembangunan Sistem e-Peperiksaan**

Melalui aplikasi ini, permohonan menduduki peperiksaan dan status permohonan boleh dibuat dan diketahui secara atas talian. Sistem ini telah dilancarkan pada Hari Kualiti Jabatan Audit Negara pada 23 Oktober 2008.

- **Peluasan *Integrated Campus Management System (ICMS)***

Sistem ICMS telah dipertingkatkan untuk menambah baik fungsi sedia ada bagi memperluaskan penggunaan sistem ini di Akademi Audit Negara.

- **Bantuan Teknikal ICT**

Sepanjang tahun 2008, sebanyak 367 laporan kerosakan teknikal telah diterima dan diselesaikan dan ringkasan laporan berkenaan adalah seperti di jadual berikut :

STATISTIK KEROSAKAN DAN PEMBAIKAN PERALATAN ICT

BULAN	JUMLAH KEROSAKAN	TEMPOH PEMBAIKAN		
		1 HARI	2 - 6 HARI	> 7 HARI
Januari	43	41	2	-
Februari	41	36	4	1
Mac	23	22	-	1
April	19	18	1	-
Mei	38	37	1	-
Jun	23	22	1	-
Julai	37	36	-	1

BULAN	JUMLAH KEROSAKAN	TEMPOH PEMBAIKAN		
		1 HARI	2 - 6 HARI	> 7 HARI
Ogos	51	50	1	-
September	26	25	1	-
Oktober	14	14	-	-
November	25	23	1	1
Disember	27	26	1	-
JUMLAH	367	350	13	4

• **Bahagian Teknikal**

Bahagian Teknikal bertanggungjawab memberi khidmat nasihat teknikal dan terlibat secara langsung dalam proses Pengauditan Prestasi projek-projek pembinaan. Ia juga terlibat membantu Sektor Pengurusan bagi menyelaraskan dan memantau pelaksanaan projek-projek pembinaan dan pengubahsuaian pejabat Jabatan Audit Negara. Selain daripada kerja-kerja pengauditan, ia juga turut memberi penjelasan dan kefahaman yang berkaitan dengan isu-isu teknikal kepada juruaudit apabila diperlukan. Pegawai-pegawai teknikal ini juga terlibat dalam memberi latihan khususnya dalam aspek teknikal kepada pegawai-pegawai Jabatan Audit yang mengikuti kursus di Akademi Audit Negara. Bidang khidmat nasihat teknikal yang diberi meliputi aspek kejuruteraan awam, kejuruteraan elektrik dan pentadbiran kontrak pembinaan. Bahagian ini disokong dengan kepakaran seramai 5 orang pegawai teknikal iaitu 2 Jurutera Awam, seorang Juruukur Bahan dan 2 orang Pembantu Teknik (Ukur Bahan dan Elektrik). Aktiviti yang telah dilaksanakan pada tahun 2008 adalah seperti di jadual berikut :

PENGAUDITAN PRESTASI PROJEK PEMBINAAN

BIL.	SEKTOR AUDIT	BIL. PROJEK
1.	Sektor Audit Kerajaan Persekutuan	8
2.	Sektor Audit Kerajaan Negeri	15
3.	Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan	15
	JUMLAH PROJEK	38

PEMBINAAN DAN PENGUBAHSUAIAN PEJABAT

BIL.	PROJEK	BIL. PROJEK
1.	Pengubahsuaian Ibu Pejabat Jabatan Audit Negara Putrajaya	1
2.	Pembinaan Pejabat Cawangan Audit Negeri	7
	JUMLAH PROJEK	8

• **Naziran**

Pasukan Naziran Jabatan Audit Negara ditubuhkan berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil.9 Tahun 2004 yang bertujuan untuk memastikan kawalan dalaman Jabatan adalah mencukupi bagi mewujudkan sistem kewangan dan pentadbiran yang telus, bersih, cekap dan amanah. Pasukan ini

melakukan pemeriksaan terhadap sistem pengurusan kewangan dan pentadbiran Jabatan bagi memastikan perkara-perkara seperti berikut :

- Sistem kawalan dalaman pengurusan kewangan dan pentadbiran yang baik diwujudkan
- Rekod-rekod kewangan, pentadbiran dan pengurusan sumber diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan mengikut peraturan
- Harta modal dan inventori dikawal dan direkod dengan kemas kini serta mengikut peraturan
- Semua pekeliling, panduan dan arahan yang dikeluarkan oleh Agensi Pusat dan Ibu Pejabat dipatuhi
- Suasana tempat kerja adalah bersih dan kondusif

● **Ke Arah Peningkatan Produktiviti dan Kualiti Jabatan**

▪ **Kajian Ringkas Mengenai Petunjuk Prestasi Utama Strategik Bagi Tahun 2008**

Satu kajian ringkas mengenai *Strategic KPI* Jabatan Audit Negara bagi tahun 2008 telah dijalankan bagi memberi maklum balas kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Laporan ringkas kajian ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan Jabatan Audit Negara Bil.1 Tahun 2008 pada 9 April 2008.

▪ **Kajian Kepuasan Pelanggan Terhadap Laporan Ketua Negara Tahun 2006**

Kajian Kepuasan Pelanggan dilaksanakan bagi mendapat maklum balas pelanggan utama Jabatan seperti ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri serta Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan terhadap Laporan Ketua Audit Negara (KAN). Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti sejauh mana tahap kepuasan pelanggan terhadap Laporan KAN Tahun 2006 dan mendapat input bagi menambah baik Laporan tersebut. Selain itu, responden juga diminta untuk memberi faktor yang mendorong mereka membaca Laporan KAN dan cadangan penambahbaikan mengenai perkara yang perlu diberi perhatian dalam pengauditan serta cara meningkatkan keberkesanan Laporan KAN dalam bentuk soalan terbuka.

Dua soal selidik telah disediakan dan diedarkan kepada ahli Parlimen dan DUN serta Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan peringkat Persekutuan dan Negeri. Secara keseluruhannya responden DUN berpuas hati terhadap Laporan KAN, kerana telah menyumbang kepada peningkatan kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti sektor awam. Maklum balas yang positif dapat dilihat terutama sekali dari aspek penyediaan laporan termasuk bahasa, kesesuaian format, persembahan, analisis, rumusan dan syor Audit serta isu-isu Audit yang dibangkitkan. Responden juga telah mengemukakan beberapa cadangan penambahbaikan untuk meningkatkan keberkesanan Laporan KAN. Hasil kajian tahun 2008 ini juga didapati konsisten dengan hasil Kajian Kepuasan Pelanggan yang dilakukan pada tahun 2004.

● **Buku dan Penyediaan Garis Panduan Jabatan**

○ **Buku 'Kecemerlangan Pengurusan Kewangan - Dari Perspektif Jabatan Audit Negara'**

Buku terbitan sulung Jabatan Audit Negara ini boleh dijadikan rujukan utama kepada semua pegawai untuk mencapai kecemerlangan pengurusan kewangan. Kandungannya mempunyai 8 bahagian yang menyentuh tentang Pengurusan Organisasi, Pengurusan Bajet, Pengurusan Terimaan, Pengurusan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah,

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Deposit, Pengurusan Aset, Pengurusan Pelaburan dan Pengurusan Pinjaman.

- **Manual Jabatan Audit Negara**

Manual ini merupakan dokumen penting Jabatan Audit Negara yang menggambarkan secara menyeluruh latar belakang Jabatan, peranan dan tanggungjawab, fungsi setiap program dan aktiviti, jenis pengauditan dan pensijilan.


- **Booklet - Accountability Index Financial Management**

Buku Kecil ini disediakan dalam versi Bahasa Inggeris yang menyatakan mengenai pengenalan kepada pelaksanaan sistem Indeks Akauntabiliti terhadap Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Ia juga menerangkan secara ringkas bagaimana sistem *star rating* dilaksanakan.

- **Garis Panduan Pengauditan Air**

Garis panduan pengauditan ini disediakan bagi membantu dan memberi maklumat serta pengetahuan kepada pegawai Audit dalam melaksanakan pengauditan. Bagi tahun 2008, Modul Pengauditan Pengeluaran Air Minum telah dilancarkan pada Hari Audit Se-Malaysia tahun 2008. Empat garis panduan lain yang masih dalam peringkat pelaksanaan adalah seperti berikut :

- Air Tidak Berhasil (NRW)
- Agihan Bekalan Air
- Perkhidmatan Pelanggan Bekalan Air
- Pengurusan Projek Air



- ◆ **MS ISO 9001 : 2008**

Pada tahun 2008, Jabatan Audit Negara memulakan langkah Ke Arah Pensijilan Semula MS ISO 9001 : 2008 dengan mengadakan bengkel seperti berikut :

- Bengkel Penyediaan Dokumen Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 Siri I di INTAN Kampus Wilayah Timur Kemaman Terengganu pada 17 - 20 November 2008
- Bengkel Penyediaan Dokumen Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 Jabatan Audit Negara (Siri II) di Akademi Audit Negara pada 4 -5 Disember 2008

Pensijilan Semula MS ISO 9001 : 2008 ini meliputi skop Pengauditan Penyata Kewangan dan Pengauditan Pengurusan Kewangan : Indeks Akauntabiliti (AI).

◆ **Penerbitan**

▪ **Buletin dan Laporan Aktiviti.**

Buletin dan Laporan Aktiviti adalah berfungsi sebagai media penyampai maklumat kepada warga kerja Audit. Ia juga bertujuan untuk berkongsi pengetahuan mengenai perkembangan semasa Jabatan dan aktiviti-aktiviti pengauditan yang dilaksanakan. Sepanjang tahun 2008 kedua-dua penerbitan tersebut telah dilaksanakan mengikut ketetapan seperti berikut :

PENERBITAN TAHUN 2008



▪ **Buku *Tiger Zainal - Reminiscence of an Auditor***

Buku *Tiger Zainal - Reminiscence of an Auditor* yang diterbitkan oleh Jabatan Audit Negara mengandungi beberapa episod menarik mengenai perjalanan dan pengalaman yang dilalui oleh penulis H.P. Zainal Abidin sepanjang 35 tahun berkhidmat dalam bidang pengauditan sektor awam. Episod-episod dalam buku ini jelas mencerminkan sifat unggul yang perlu dihayati oleh setiap Juruaudit.

Program & Aktiviti

Program Pengauditan



❖ PROGRAM PENGAUDITAN

Jabatan Audit Negara menjalankan empat jenis pengauditan seperti berikut:

● Pengauditan Penyata Kewangan

- Pengauditan ini adalah bertujuan untuk mengesahkan penyata kewangan tahunan yang dikemukakan oleh Kerajaan Persekutuan / Negeri / Agensi Kerajaan bagi memenuhi keperluan undang-undang dan standard perakaunan yang diterima pakai. Melalui pengauditan ini Ketua Audit Negara akan memberi pendapat sama ada penyata yang disediakan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod-rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan di kemaskini.
- Bagi membantu Jabatan Audit Negara menyiapkan pengauditan terhadap penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan / Negeri dan PBT dalam tempoh empat bulan seperti mana yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan Jabatan, pengauditan terhadap penyata kewangan bagi 366 akaun agensi telah dibuat secara *outsource* kepada 61 Firma Audit Swasta. Terdapat 4 sektor yang terlibat iaitu Sektor Badan Berkanun Persekutuan sebanyak 105 akaun, Sektor Badan Berkanun Negeri sebanyak 121 akaun, Sektor Pihak Berkuasa Tempatan sebanyak 139 akaun dan satu akaun daripada Sektor Audit Persekutuan. Bagaimanapun, Ketua Audit Negara masih bertanggungjawab mengeluarkan Sijil Ketua Audit Negara terhadap penyata berkenaan. Pelantikan Firma Audit Swasta ini telah dibuat selaras dengan peruntukan seksyen 7(3) Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik mana-mana pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau. Syarat pelaksanaan pengauditan ini telah ditetapkan melalui perjanjian yang dimeterai.

● Pengauditan Pematuhan

Pengauditan ini dilaksanakan untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan auditi diuruskan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan. Pengauditan dijalankan dengan memberi tumpuan terhadap enam aspek kawalan utama iaitu kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan kumpulan wang amanah / akaun amanah dan deposit serta pengurusan aset dan stor. Bagi menilai sejauh mana tahap pematuhan auditi terhadap undang-undang dan peraturan kewangan, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti.

● Pengauditan Prestasi

Pengauditan ini dilaksanakan untuk menilai sama ada sesuatu program / aktiviti Kerajaan diuruskan dengan cekap, berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

● Pengauditan Pengurusan Syarikat

Pengauditan ini dilaksanakan untuk menentukan sama ada syarikat kerajaan dan syarikat-syarikat yang mendapat geran dan pinjaman daripada Kerajaan telah diurus dengan cekap, berhemat dan selaras dengan objektif yang telah ditetapkan.

❖ **PRESTASI PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN**

● **Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan**

Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 telah diterima daripada Jabatan Akauntan Negara pada 3 Mac 2008 dan dokumen sokongan yang berkaitan dikemukakan antara 4 hingga 28 Mac 2008. Pengauditan telah selesai dijalankan dan Sijil Bersih telah dikeluarkan pada 30 Mei 2008.

● **Penyata Kewangan Kerajaan-Kerajaan Negeri**

Sektor Audit Kerajaan Negeri melalui 13 Cawangan Audit Negeri bertanggungjawab mengaudit dan mengesahkan Penyata Kewangan untuk 13 Kerajaan Negeri, 143 Badan Berkanun Negeri, 15 Majlis Agama Islam Negeri dan 144 Pihak Berkuasa Tempatan setiap tahun. Sepanjang tahun 2008, Cawangan-cawangan Audit Negeri telah menjalankan pengauditan terhadap akaun-akaun berikut :

**PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI TAHUN 2008**

BIL.	NEGERI	JENIS DAN BILANGAN AKAUN			
		KERAJAAN NEGERI	MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI	BADAN BERKANUN NEGERI	PIHAK BERKUASA TEMPATAN
1.	Johor	1	-	10	13
2.	Kedah	1	1	4	10
3.	Kelantan	1	-	4	12
4.	Melaka	1	1	8	3
5.	Negeri Sembilan	1	1	4	8
6.	Pahang	1	-	7	6
7.	Perak	1	-	12	12
8.	Perlis	1	1	3	1
9.	Pulau Pinang	1	1	7	1
10.	Sabah	1	1	11	11
11.	Sarawak	1	1	21	25
12.	Selangor	1	1	11	12
13.	Terengganu	1	1	8	7
JUMLAH		13	9	110	121

● **Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan**

- Pada tahun 2008, sejumlah 118 Badan Berkanun Persekutuan perlu diaudit oleh Sektor Audit BBP mengikut Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240). Selain itu, Sektor ini juga mengaudit 12 Kumpulan Wang Persekutuan. Sektor Audit BBP mengaudit 22 daripada 122 Penyata Kewangan tahun 2007 manakala baki 100 Penyata Kewangan diaudit oleh Firma Audit Swasta yang dilantik oleh Ketua Audit Negara.

- Daripada jumlah ini, sejumlah 116 Penyata Kewangan telah diberi Sijil Tanpa Teguran dan 6 Sijil Berteguran telah dikeluarkan kerana tidak mematuhi piawaian perakaunan dan tidak menyelenggara rekod perakaunan dengan lengkap dan teratur. Agensi yang mendapat Sijil Berteguran adalah seperti di jadual berikut :

PENYATA KEWANGAN YANG DIBERI SIJIL BERTEGURAN

BIL.	NAMA AGENSI
1.	Lembaga Pembangunan Langkawi
2.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
3.	Perbadanan Aset Kereta api
4.	Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang
5.	Lembaga Pelabuhan Klang
6.	Perbadanan Labuan

❖ **PENGAUDITAN PEMATUHAN**

Sepanjang tahun 2008, Jabatan Audit Negara telah menjalankan Pengauditan Pematuhan terhadap pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti di 27 Kementerian, 34 Jabatan Persekutuan, 13 Pejabat Kewangan Negeri, 166 Jabatan / Agensi Negeri dan 32 Badan Berkanun Persekutuan. Manakala bagi tahun 2007, pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti dilaksanakan di 28 Kementerian, 31 Jabatan Persekutuan, 13 Pejabat Kewangan Negeri, 114 Jabatan / Agensi Negeri dan 26 Badan Berkanun Persekutuan. Hasil daripada pengauditan tersebut mendapati prestasi pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan Kerajaan Negeri/Agensi di peringkat Negeri adalah seperti di jadual berikut :

PENARAFAN PENGURUSAN KEWANGAN TAHUN 2007

SEKTOR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI	PENARAFAN			JUMLAH
		SANGAT BAIK	BAIK	MEMUASKAN	
Kerajaan Persekutuan	Kementerian	1	22	5	28
	Jabatan	5	20	6	31
Kerajaan Negeri	Jabatan / Agensi	2	75	50	127
Badan Berkanun Persekutuan	Agensi	2	22	2	26
JUMLAH		10	139	63	212




❖ **PENGAUDITAN PRESTASI**

Jabatan Audit Negara telah menjalankan sejumlah 167 Pengauditan Prestasi yang melibatkan aktiviti Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta Agensi seluruh negara sepanjang tahun 2008. Pengauditan tersebut melibatkan pelbagai aktiviti seperti pembinaan, penyenggaraan, penguatkuasaan undang-undang, perolehan, pengurusan aset, pengurusan cukai, ICT dan projek peningkatan sosio ekonomi. Pelaksanaan pengauditan mengikut Sektor adalah seperti di carta berikut :


PENGAUDITAN PRESTASI TAHUN 2008

■ Kerajaan Persekutuan ■ Badan Berkanun Persekutuan ■ Kerajaan Negeri



❖ PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT

Sepanjang tahun 2008, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap 36 syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 di mana lebih daripada 50% Modal Saham Berbayar dipegang sama ada oleh Kerajaan Persekutuan / Negeri / Agensi Kerajaan. Kedudukan pengauditan mengikut Sektor adalah seperti di carta berikut :



❖ LAIN-LAIN PENGAUDITAN

Selain daripada menjalankan pengauditan seperti di atas, Jabatan Audit Negara juga melaksanakan pengauditan berikut:

◆ Pemeriksaan Mengejut / Penampilan Audit

Arahan Perbendaharaan menetapkan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan telah menyimpan wang awam, setem atau barangan berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai laci atau bekas-bekas lain. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Bagi tahun 2008 Jabatan Audit Negara telah menjalankan Pemeriksaan Mengejut/Penampilan Audit di 323 pejabat Kerajaan di seluruh negara.

◆ Pengauditan / Kajian Khas

Jabatan Audit Negara juga telah menjalankan pengauditan terhadap aktiviti tertentu atas permintaan Agensi Pusat / *stakeholder*. Pengauditan ini dijalankan bagi memenuhi keperluan / syarat yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi antara Kerajaan dengan pihak pemegang konsesi. Pengauditan yang dijalankan adalah seperti di jadual berikut :

PENGAUDITAN / KAJIAN KHAS TAHUN 2008

BIL.	SEKTOR AUDIT	TAJUK KAJIAN
1.	Sektor Audit Kerajaan Persekutuan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penyemakan Semula Tuntutan <i>Reimburseable</i> Bagi Pembangunan Putrajaya Secara Bersama Antara Jabatan Audit Negara, Perbadanan Putrajaya Dan JKR Putrajaya 2. Penyemakan Pertama Baki Tuntutan Kos Pembangunan Infrastruktur Putrajaya 3. Penyemakan Kedua Baki Tuntutan Kos Pembangunan Infrastruktur Putrajaya 4. Pengurusan Pemberian Subsidi Diesel (KPDNHEP) 5. Pengesahan Tuntutan - <i>Malaysia Airlines System Berhad</i> 6. Pengesahan Tuntutan Subsidi Diesel- Syarikat RAPID KL Sdn. Bhd. 7. Pemberian Khas Pembelian Getah –MARDEC 8. 23 Projek UNDP dan Akaun Pinjaman 9. 3 Projek World Bank / ADB
2.	Sektor Audit Khas	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pelarasan Tarif Air Bagi Tempoh Operasi Tahun 2009-2011 Syarikat Bekalan Air Selangor

● **Pengauditan Air**

Bahagian Pengauditan Air (BPA) terlibat dalam memberi bantuan dan khidmat nasihat teknikal pengairan dan saliran kepada Cawangan Audit Negeri yang menjalankan Pengauditan Prestasi. Bagi tahun 2008, sejumlah 2 program pengauditan telah dilaksanakan oleh BPA iaitu Projek Pengawasan Hakisan Pantai bagi Cawangan Audit Negeri Melaka dan Pengurusan Projek Tebatan Banjir oleh Cawangan Audit Negeri Selangor. Khidmat nasihat teknikal ini termasuklah memberi input teknikal, menjalankan lawatan tapak, menyediakan laporan penemuan Audit teknikal dan pembentangan laporan kepada Pengarah Negeri dan Ketua Audit Negara.

● **Penilaian Khas**

Atas permintaan Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara telah membuat Penilaian Khas terhadap prestasi pengurusan kewangan Kementerian / Jabatan/Agensi di bawah kawalan pegawai Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA). Penilaian ini adalah bertujuan untuk pengesahan jawatan mereka. Bagi tahun 2008, penilaian telah dibuat di Kementerian/Jabatan/Agensi yang melibatkan seramai 59 pegawai JUSA. Penglibatan Jabatan Audit Negara dalam membuat penilaian ini secara tidak langsung telah menyumbangkan kepada pengukuhan pengurusan sektor awam memandangkan pegawai yang dinilai itu akan memastikan pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktiviti di bawah jagaan mereka dibuat dengan baik.

❖ **PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**

Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Yang di-Pertuan Agong / Sultan / Tuan Yang Terutama (TYT) yang akan mengarahkan laporan itu dibentangkan di Parlimen / Dewan Undangan Negeri (DUN). Kedudukan pembentangan laporan tahun 2007 di Parlimen / Dewan Undangan Negeri adalah seperti di jadual berikut:-

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2008

LAPORAN	TARIKH PEMBENTANGAN	
	PARLIMEN	DEWAN UNDANGAN NEGERI
Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam dan Aktiviti Kementerian / Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Tahun 2007	29.08.2008	-
Laporan Ketua Audit Negara Mengenai : <ul style="list-style-type: none"> ● Pengurusan dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2007 ● Pengesahan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2007 	29.08.2008	-
	17.12.2008	-
Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam dan Aktiviti Jabatan/ Kerajaan Negeri Tahun 2007		
● Johor	19.08.2008	21.11.2008
● Kedah	19.08.2008	18.11.2008
● Kelantan	29.08.2008	21.10.2008
● Melaka	20.08.2008	05.11.2008
● Negeri Sembilan	29.08.2008	26.11.2008
● Pahang	29.08.2008	17.11.2008
● Perak	29.08.2008	10.11.2008
● Perlis	20.08.2008	11.11.2008
● Pulau Pinang	29.08.2008	13.11.2008
● Sabah	29.08.2008	25.08.2008
● Sarawak	29.08.2008	03.11.2008
● Selangor	29.08.2008	20.10.2008
● Terengganu	19.08.2008	14.04.2009

❖ PENGLIBATAN JABATAN DALAM PELBAGAI AKTIVITI

● Program Anak Angkat

Program Anak Angkat dilaksanakan bagi memberi bimbingan dan nasihat kepada Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan dalam meningkatkan kualiti pengurusan kewangan. Bagi tahun 2008, sebanyak 13 Jabatan / Agensi telah menyertai Program Anak Angkat di bawah kelolaan Jabatan Audit Negara.

Program & Aktiviti

Hubungan Di Peringkat Antarabangsa



❖ HUBUNGAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA

○ LAWATAN DAN KUNJUNGAN HORMAT

▪ Kunjungan Delegasi Luar ke Jabatan Audit Negara Malaysia

Dalam tahun 2008, seramai 30 delegasi dari Kazakhstan, China, Singapura, Shanghai dan Lao PDR dan seramai 5 delegasi dari Pesuruhjaya Tinggi Pakistan, Badan Pemeriksa Keuangan Republik Indonesia dan China telah mengadakan kunjungan hormat kepada Ketua Audit Negara Malaysia.



Parlimen Kazakhstan
25 Januari 2008



Ketua Audit Negara China
17 - 21 Februari 2008



Pesuruhjaya Tinggi Pakistan
4 April 2008



Ketua Audit Negara Singapura
25 - 26 Mei 2008



Shanghai Audit Bureau
28 Mei 2008



Delegasi Dari Badan Pemeriksa Keuangan Republik Indonesia (BPKRI)
5 Jun 2008



State Audit Organization of Lao PDR
30 Julai - 6 Ogos 2008



Delegasi Dari National Audit Office of the People's Republic of China (CNAO)
28 Julai 2008

- **Lawatan Kerja ke *National Audit Office, United Kingdom***

Ketua Audit Negara telah mengadakan lawatan kerja ke *National Audit Office, United Kingdom* pada 11 Julai 2008 dengan diiringi oleh Ir. Md. Wahid bin Mohd. Nor, Pn. Ong Swee Leng, Pn. Dr. Masiah binti Ahmad, En. Chiew Koh Chon, En. Abdul Aziz bin Shaari dan konsultan dari Aqua Deluxe. Lawatan kerja ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan tentang pelaksanaan Pengauditan Pengurusan Air dan mempelajari amalan terbaik pengurusan air dari perspektif United Kingdom serta bidang Pengauditan Projek *Private Finance Initiative (PFI)* bagi memantapkan lagi mutu kerja pengauditan.



- **MESYUARAT/SEMINAR/BENGGEL**

- ***Environmental Audit* di bawah ASOSAI**

- **Di Beijing China**

En. Rezuoi bin Abdullah telah menghadiri Mesyuarat Ke-2 Penyediaan Garis Panduan Pengauditan Alam Sekitar pada 22-25 Januari 2008 . Seramai enam ahli pasukan penyelidik dari lima buah negara anggota ASOSAI termasuk Malaysia telah menyertai mesyuarat tersebut. Mereka adalah terdiri daripada Ms. Chen Jixiang (China), Mr. R.G. Vishwanathan (India), Ms. Nameeta Prasad (India), Mr. Salem Ali AlQahtani (Arab Saudi), Ms. Nasira Parveen Khan (Pakistan) dan En. Oi Chu Kim Ting @ Rezuoi bin Abdullah (Malaysia).

- **Di Selangor Malaysia**

Jabatan Audit Negara Malaysia telah dipilih menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Ke-3 Projek Penyelidikan ASOSAI bagi menyediakan Garis Panduan Pengauditan Alam Sekitar. Mesyuarat tersebut telah berlangsung pada 21-23 Julai 2008 bertempat di Hotel Hilton, Petaling Jaya. Seramai enam ahli pasukan penyelidik dari lima buah negara anggota ASOSAI termasuk Malaysia telah menyertai mesyuarat tersebut. Mereka terdiri daripada Ms. Chen Jixiang (China), Mr. R.G. Vishwanathan (India), Ms. Nameeta Prasad (India), Mr. Salem Ali AlQahtani (Arab Saudi), Ms. Nasira Parveen Khan (Pakistan)



dan En. Oi Chu Kim Ting @ Rezuoi bin Abdullah (Malaysia). Satu taklimat mengenai *An Overview on Environmental Laws & Regulation in Malaysia* telah disampaikan oleh Ir. Lee Heng Keng, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Alam Sekitar. Taklimat ini bertujuan untuk memberi sedikit gambaran mengenai undang-undang dan peraturan berkaitan alam sekitar yang berkuat kuasa di Malaysia.

◦ Di Hangzhou China

The 7th International Audit Seminar on Environmental Audit dan Mesyuarat Working Group On Environment Auditing (WGEA) telah diadakan pada 14 - 23 Oktober 2008 yang telah dirasmikan oleh Mr. Liu Jiayi, Pengerusi ASOSAI merangkap Ketua Audit Negara China. Seminar tersebut telah dihadiri oleh 64 peserta dari 33 Supreme Audit Institutions (SAI) dari negara Asia dan Timur Tengah termasuk peserta dari SAI Estonia yang merupakan Pengerusi INTOSAI - WGEA. Jabatan Audit Negara diwakili oleh En. Sawaludin bin Md. Nor (Timbalan Pengarah Audit Bahagian Pengauditan Alam Sekitar) dan En. Ahmad bin Seli



(Penolong Pengarah Audit Sektor Audit Kerajaan Negeri). Objektif utama seminar ini adalah mempelajari teknik Pengauditan Alam Sekitar, menggalakkan komunikasi dan kerjasama serta berkongsi pengetahuan di antara peserta dari pelbagai negara tentang Pengauditan Alam Sekitar serta kepentingan menjaga alam sekitar tanpa menjejaskan kemajuan pembangunan sesebuah negara.

◦ Di Lahore Pakistan

En. Rezuoi bin Abdullah telah menghadiri Mesyuarat Ke-4 Penyediaan Garis Panduan Pengauditan Alam Sekitar pada 21-25 Disember 2008. Draf garis panduan ini akan dipersembahkan semasa Perhimpunan ASOSAI tahun 2009 di Islamabad, Pakistan.

▪ Commonwealth Auditor General Conference di Bermuda

Persidangan Ke-20 ini telah diadakan pada 6-9 Julai 2008 di Hamilton, Bermuda dan dihadiri oleh 96 delegasi dari 50 negara. Persidangan ini telah dirasmikan oleh Mr. Larry T. Dennis, Ketua Audit Negara Bermuda. Delegasi dari Malaysia diketuai oleh Y.Bhg. Tan Sri Ketua Audit Negara bersama Puan Ong Swee Leng dan Pn. Dr. Masiah binti Ahmad. Tema persidangan pada kali ini ialah 'Accountability for the 21st Century'. Pada Persidangan kali ini, Ketua Audit Negara telah membentangkan country paper bertajuk *Performance Management of the National Audit Department of Malaysia*.



▪ Lembaga Pengelola ASOSAI di Pakistan

Y.Bhg. Tan Sri Dato' Setia Hj. Ambrin bin Buang, Ketua Audit Negara bersama En. Che Isa bin Che Kob, Pengarah Audit Negeri Johor, En. Mohamed Nor bin Hassan, Pengarah Sektor Audit Khas dan Penyelidikan serta Pn. Norizan bt Mohd. Suhaimi, Penolong Juraudit Bahagian Penyelidikan telah menghadiri Mesyuarat Ke-39 Lembaga Pengelola ASOSAI pada 18-20



November 2008 di Lahore, Pakistan. Mesyuarat tersebut turut disertai oleh 47 delegasi terdiri daripada ahli Lembaga Pengelola ASOSAI. Antara agenda mesyuarat ialah pembentangan Laporan Aktiviti ASOSAI, Laporan Aktiviti Sekretariat serta pencalonan Setiausaha Agung ASOSAI bagi tahun 2009 - 2012. Delegasi mesyuarat juga dibawa melawat ke tempat-tempat menarik dan bersejarah sekitar Lahore.

▪ **Penglibatan Jabatan Audit Negara Dalam Quality Assurance**

◦ **Di Vientiane Laos**

Instructors' Design Meeting ini telah dihadiri oleh En. Roslan bin Abu Bakar bagi menyediakan bahan kursus *Handbook on Quality Assurance* pada 2-18 Mac 2008.



◦ **Di Ulaan Bataar Mongolia**

Review for Financial Audit Workshop ini telah diadakan pada 30 Julai - 20 Ogos 2008 yang disertai oleh En. Roslan bin Abu Bakar yang bertindak sebagai penceramah/pemudah cara. Bengkel yang dianjurkan bersama oleh IDI dan ASOSAI ini dihadiri



oleh 29 peserta dari sembilan negara iaitu Mongolia, Nepal, Kemboja, Lao PDR, Vietnam, China, Indonesia, Filipina dan Bhutan. Seramai enam orang penceramah ASOSAI (Malaysia, India, Filipina, Bhutan, Mongolia dan Nepal) dan seorang pakar dari Afrika Selatan terlibat dalam menjayakan bengkel berkenaan.

◦ **Di Jakarta Indonesia**

Instructors' and Review Meeting ini merupakan kesinambungan kepada bengkel yang telah diadakan di Mongolia. Mesyuarat telah diadakan pada 21 November - 4 Disember 2008 yang dihadiri oleh En. Roslan bin Abu Bakar.

▪ **Kerjasama Dengan Badan Pemeriksa Keuangan Republik Indonesia**

◦ **Mesyuarat Teknikal di Indonesia**

Mesyuarat ini telah diadakan di Hotel Inna Putri, Bali Indonesia pada 13-15 Mac 2008. Delegasi Malaysia diketuai oleh Y. Bhg. Dato' Azizah Hj. Arshad - Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) dan delegasi lain iaitu En. Abd. Wahab bin Ahmad - Pengarah Akademi Audit Negara, Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail - Pengarah Audit Negeri Kelantan, En. Sawaludin bin Md Nor - Pengarah Audit Negeri Sembilan, En. Ahmad Sanusi bin Yaacob - Timbalan Pengarah Audit Negeri Kedah, En. Abdul Rahim bin Abd. Kader - Timbalan Pengarah Cawangan Audit Cukai Pendapatan, En. Zaharuddin bin Zainal Abidin - Ketua Sekolah Perakaunan Akademi Audit Negara En. Rasdi bin Mohamed Razali - Juruaudit Bahagian Penyelidikan, En. Lai Soon Ming - Juruaudit Cawangan Audit Cukai Pendapatan dan En. Ahmad bin Seli - Juruaudit Cawangan Audit Negeri Sarawak.

Mesyuarat Teknikal ini merupakan susulan kepada Memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani di Mexico City antara Jabatan Audit Negara Malaysia dengan Badan Pemeriksa Keuangan Republik Indonesia. Sebanyak 3 mesyuarat teknikal telah diadakan secara serentak iaitu Mesyuarat Teknikal Pengauditan Perhutanan,



Mesyuarat Teknikal Kerjasama Latihan dan Mesyuarat Teknikal Pengauditan Cukai Pendapatan.

- **Mesyuarat Teknikal Di Malaysia**

Mesyuarat mengenai Kajian Pengurusan Hutan ini telah berlangsung pada 12-14 November 2008 bertempat di New World Suites, Bintulu, Sarawak. Seramai sembilan pegawai dari Jabatan Audit Negara Malaysia yang diketuai oleh Y. Bhg. Dato' Hj. Anwari bin Suri, Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri) dan tujuh delegasi dari Badan Pemeriksa Keuangan Republik Indonesia (BPKRI) yang diketuai oleh Dr. Ir. Herman Widyandana, Anggota Badan Pemeriksa Keuangan, Republik Indonesia telah menjayakan mesyuarat tersebut. Objektif mesyuarat adalah untuk membincangkan metodologi pengauditan dan merangka draf Laporan Audit Bagi Kajian Pengurusan Hutan. Mesyuarat ini merupakan susulan kepada Mesyuarat Ke-2 yang telah berlangsung pada bulan Mac 2008 di Bali, Indonesia.



- **Tax Audit Secondment Di Malaysia**

Seramai enam pegawai dari Badan Pemeriksa Keuangan Republik Indonesia telah menyertai program ini pada 8-17 Disember 2008. Di antara objektif program ini diadakan adalah untuk memberi kefahaman mengenai pelaksanaan Audit terhadap cukai pendapatan syarikat serta bertukar-tukar pengetahuan dan pengalaman antara kedua-dua negara dalam melaksanakan pengauditan ini. Pegawai-pegawai tersebut telah ditempatkan di Cawangan Audit Hasil bagi mengikuti beberapa program yang telah diatur.



- **Investigative Audit Di Indonesia**

Jabatan telah menghantar 8 orang pegawai dari pelbagai sektor untuk menghadiri bengkel ini yang telah diadakan di Pusat Pendidikan dan Latihan (PUSDIKLAT) Badan Pemeriksa Keuangan (BPK) Jakarta, Indonesia pada 15-18 Disember 2008. Pegawai-pegawai tersebut adalah Pn. Noor Akma binti Mohd. Baki dan En. Anuar bin Asmuni dari Akademi Audit Negara, En. Che Adnan bin Che Abdullah dari Sektor Audit Kerajaan Persekutuan, En. Mohd Anuar bin Md. Noh dari Sektor Audit Khas dan Penyelidikan, En. Lasung Lawai dan En. Hazman bin Mohamed dari Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan, En. Isa@ Danial bin Sulaiman dari Sektor Audit Negeri (Sarawak) dan En. Jalalemping bin Kihampau dari Sektor Audit Negeri (Sabah). Bengkel selama 5 hari ini telah memberi pendedahan mengenai aspek-aspek Audit Penyiasatan dan telah disampaikan oleh para pegawai dari BPK dan Kejaksanaan (*Atorney General*) yang berpengalaman dalam bidang Audit Penyiasatan dan pendakwaan di mahkamah.



▪ INTOSAI

◦ **Financial Audit Guidelines Di Sweden**

Reference Panel Meeting Subcommittee yang berlangsung pada 16-17 Januari 2008 di Stockholm, Sweden telah dihadiri oleh Pn. Fadzilah binti Hj. Mohamed, *Expert* yang telah dicalonkan oleh Jabatan untuk menganggotai Jawatankuasa Kerja ini. Objektif mesyuarat adalah untuk menerangkan tugas-tugas yang dijalankan oleh Jawatankuasa Kerja serta perancangan tugas yang akan dilaksanakan dalam menyediakan standard pengauditan dan garis panduan.



◦ **Juruaudit Akaun Di Austria**

Pada tahun 2007, Jabatan Audit Negara Malaysia dan SAI Paraguay telah dipilih sebagai Juruaudit INTOSAI bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009. Pemilihan Juruaudit tersebut telah dibuat semasa Kongres INTOSAI ke-19 pada 10 November 2007 di Mexico City, Mexico. Bagi tahun 2008, dua pegawai Jabatan iaitu En. Lim Chin Teong dan En. Abid bin Abdul Jalil telah dipilih untuk mengaudit akaun INTOSAI bagi tahun kewangan 2007 pada 10-14 Mac 2008 di Vienna, Austria.



▪ MTCP

◦ **Performance Audit Di Malaysia**

Jabatan Audit Negara telah melaksanakan Pengauditan Prestasi (*Performance Audit*) bagi menilai keberkesanan sesebuah projek/aktiviti yang dilaksanakan dari segi *value for money* iaitu *economy, effectiveness and efficiency*. Ia merupakan salah satu aspek penting dalam pengauditan supaya setiap perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan akan digunakan sebaiknya. Bagi memenuhi aspirasi Jabatan ini, Akademi Audit Negara telah melangkah ke hadapan dengan melaksanakan kursus-kursus MTCP sejak tahun 2007. Kursus Pengauditan Prestasi MTCP ini telah dilaksanakan pada 16-27 Jun 2008. Seramai 25 orang telah mengikuti kursus ini dari pelbagai negara seperti Maldives, Albania, Jamaica, Lao PDR, Brunei, Indonesia, Fiji, Turki, Bhutan, Kiribati, Sierra Leone, Bangladesh, Jordan, Cambodia, Nepal, Maghribi, Filipina, Myanmar, Thailand, Vietnam, Oman, China juga termasuk Malaysia.



◦ *IT Audit Di Malaysia*

Kursus ini telah dilaksanakan pada 17-28 November 2008. Seramai 29 peserta mewakili Institusi Audit daripada 23 negara Palestine, Mauritius, Sri Lanka, Indonesia, Nepal, China, Brunei Darussalam, Bangladesh, Kiribati, Cambodia, Myanmar, Thailand, Lao PDR, Oman, Iraq, Bhutan, Fiji, Maldives, Bosnia dan Herzegovina, Azerbaijan,



Vietnam, Mongolia, Saudi Arabia dan negara tuan rumah Malaysia telah menghadiri kursus ini. Kursus jangka pendek selama dua minggu tersebut adalah dianjurkan bagi memberi peluang kepada peserta daripada pelbagai negara untuk meningkatkan pengetahuan berhubung prinsip asas, konsep dan metodologi serta juga kemahiran berkaitan Audit IT.

▪ *Auditing in IT Environment Di India*

En. Anuwar bin Asmuni telah menghadiri kursus anjuran *Office of the Comptroller and Auditor General of India* yang diadakan pada 31 Mac-30 April 2008 di *International Centre for Information Systems and Audit (iCISA)*, Noida, India dan dibiayai di bawah Rancangan Colombo. Kursus ini telah memberi peluang kepada pegawai untuk mempelajari teknik terkini yang digunakan oleh SAI India dalam melaksanakan Pengauditan IT serta bertukar pengalamandi antara peserta dalam bidang Pengauditan IT.



▪ *68 Ways to Improve Your Audit Reports Di Singapura*

Bengkel ini telah berlangsung pada 24-25 Julai 2008 yang dihadiri oleh En. Anuwar bin Asmuni. Objektif utama bengkel ini diadakan adalah bertujuan untuk mempelajari teknik-teknik dalam memperbaiki mutu penulisan Laporan Audit.

▪ *Course Design and Development on Enabled Blended Training Programme for Trainers Di Vietnam*

Program yang diadakan pada 20 Oktober - 7 November 2008 ini adalah anjuran IDI dan ASOSAI yang telah diluluskan semasa Mesyuarat Ke-38 Lembaga Pengelola ASOSAI yang berlangsung di Kuwait pada tahun 2007. Program ini bertujuan untuk melahirkan 40 orang tenaga pakar / pengajar dalam bidang Pengauditan ICT. Pada bengkel yang berlangsung di Hanoi, Vietnam ini Pn. Hasnira binti Husin telah dipilih mengikuti bengkel tersebut setelah berjaya dalam saringan awal pemilihan peserta.



Program & Aktiviti

Aktiviti Jabatan



** AKTIVITI JABATAN



Kursus Pengenalan Pengurusan Bekalan Air Siri 1 Audit Negara
14-18 Januari 2008



Ceramah bertajuk Pembentukan Pemikiran Insan Yang Unggul telah disampaikan oleh Y. Bhg. Dato' Aitid Bin Ghazali, Pengerusi Eksekutif Akademi Audit Sdn. Bhd pada 25 Januari 2008



Ceramah Eksekutif *Some Enhancing Integrity And Good Governance From The Perspective Of The Auditor General Of The People's Republic Of China* oleh Mr. Li Jin Hua, Ketua Audit Negara Republik Rakyat China pada 19 Februari 2008



Kursus Pengenalan Pengurusan Bekalan Air kepada Pengarah Negeri di Awana, Genting Highlands pada 19-21 Februari 2008



Sesi *brainstorming* Perancangan Strategik Jabatan Audit Negara Tahun 2008-2010 di Hotel Equatorial Cameron Highlands pada 28 Februari 2008



Kelas menghias bakul dan tudung saji oleh PUSPANITA telah diadakan pada 29 Februari 2008



Pertandingan bowling PUSPANITA pada 28 Mac 2008



Mesyuarat Pegawai ICT Bil. 1/ 2008 telah diadakan di Tiara Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan pada 10-12 April 2008



Simposium Audit Dalam di Akademi Audit Negara pada 24-25 April 2008



Kejohanan congkak PUSPANITA Kebangsaan pada 12 Mei 2008



Kursus Pengenalan Pengurusan Bekalan Air Siri 2 di Akademi Audit Negara pada 12-15 Mei 2008



Lawatan Auditor General Singapura ke Akademi Audit Negara pada 25 - 27 Mei 2008



Kempen Derma Darah dianjurkan oleh KAWIP telah diadakan pada 23 Mei 2008.



Lawatan kelab PUSPANITA ke kilang Gardenia pada 20 Jun 2008



Pada 5 Julai 2008, seramai 11 ahli KAWIP telah menyertai Kejohanan Bola Tampar Terbuka Putrajaya Tahun 2008 yang dianjurkan Perbadanan Putrajaya



Pada 5 & 6 Julai 2008, pasukan Audit FC (KAWIP) telah menyertai Kejohanan FUTSAL Terbuka Putrajaya Tahun 2008 yang dianjurkan Perbadanan Putrajaya



Pertandingan Bowling BBP
pada 15 Julai 2008



Ceramah *Blue Ocean Strategy* oleh En. Rahim Bin Aziz
(CEO) MIEZA Resources pada
30 Julai 2008



Program Jom Makan Buah-buahan Tempatan
di Taman Wetland, Putrajaya
pada 8 Ogos 2008



Ceramah *Current Issues and Challenges in the Marketing of
Malaysian Goods and Services* oleh Y. Bhg. Dato' Sharifah
Binti Mohd Ismail (Institute of Marketing Malaysia)
pada 28 Ogos 2008



Sambutan Hari Raya anjuran BBP
pada 10 Okt 2008



Ceramah *Some Perspectives On Forestry In Malaysia* oleh
Y. Bhg. Dato' Dr. Freezailah bin Che Yeon, Pengerusi
(*Malaysian Timber Certification Council*)
pada 17 Oktober 2008



Lawatan kerja Delegasi Audit dari Mongolia
Ke Akademi Audit Negara
pada 21 Oktober 2008



Hari Audit Se Malaysia di Akademi Audit Negara
pada 23 Oktober 2008



Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 25 Tahun di Akademi Audit Negara pada 23 Oktober 2008



Kursus Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) Sektor Audit Kerajaan Persekutuan pada 5-6 November 2008



Kursus Pengukuhan Pasukan Berkesan Siri 1/2008 di Lembah Azween Resort, Hulu Langat, Selangor pada 9 – 12 November 2008



Ceramah *Most Common Tools and Techniques by Forensic Accountants* oleh En. Pharabat Kumar, *Founder/Owner Alliance Ija (M) Sdn Bhd* pada 14 November 2008



Kumpulan Dinamik dari Cawangan Audit Negeri Sembilan telah menjuarai Konvensyen KMK peringkat Negeri Sembilan di Sarawak pada November 2008



Bengkel Penyediaan Dokumen Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 Siri 1 di INTAN Kampus Wilayah Timur Kemaman Terengganu pada 17 – 20 November 2008



Kursus Pengenalan HRMIS pada November 2008



Retreat Hala Tuju dan Perancangan Sektor Audit Khas dan Penyelidikan di Corus Paradise Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan pada 26 - 28 November 2008



Persidangan Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan (BBP) di Awana Genting Highlands Golf and Country Resort, Pahang pada 1-2 Disember 2008



Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) Sektor Audit Kerajaan Persekutuan telah dipilih bagi mewakili Jabatan Audit Negara ke Konvensyen KMK Wilayah Persekutuan 2008



Persidangan Sektor Audit Kerajaan Persekutuan di Hotel Mutiara, Johor Baru, Johor pada 1-4 Disember 2008



Bengkel Penyediaan Dokumen Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 Jabatan Audit Negara (Siri II) di Akademi Audit Negara pada 4-5 Disember 2008



Sesi Taklimat Sistem Belanjawan Diubahsuai (MBS) dan Penyediaan Cadangan Bajet Mengurus Bagi Tahun 2010- 2011 di Cawangan-cawangan Jabatan Audit Negara pada Disember 2008



Ceramah Eksekutif *Transparency And Accountability in Public Sector: Reform of Public Finance Auditing in Indonesia* oleh Prof. Dr. Anwar Nasution (Pengerusi Badan Pemeriksa Keuangan, Republik Indonesia) di Akademi Audit Negara pada 10 Disember 2008



Persidangan Sektor Audit Kerajaan Negeri Tahun 2008 di Melaka pada 17-19 Disember 2008



Mesyuarat Pegawai ICT Jabatan Audit Negara Bil. 2/2008 telah diadakan di Impiana Resort Cherating, Pahang pada 22-24 Disember 2008

** KERATAN AKHBAR



2 September 2008 (Selasa)

Pembelian kenderaan Rela melebihi keperluan

KETUA Audit Negara mendapati pembelian kenderaan Negeri bagi kegunaan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (IRRM) atau dimanfaatkan sebaik mungkin akibat kelemahan Ambrin Buang, berkata antara 2004 hingga 2007 pelbagai jenis kenderaan bernilai RM1.1 juta (JIM), Jabatan Pendaftaran Kenderaan Negeri Rela.



Wednesday September 3, 2008

Auditor-Gen dept to conduct spot checks

By MAZWIN NIK ANIS and SIM LEOI LEOI

PUTRAJAYA: The Auditor-General's report may have agencies and departments should remain on their toes just four months ago to conduct spot checks on the everything is in order. Auditor-General Tan Sri special unit to conduct spot checks.

"We recently received approval to set up a special unit to conduct surprise spot checks in the country to conduct surprise spot checks on giving them priority."



31 Ogos 2008 (Ahad)

Senggara bangunan kerajaan ditingkatkan

KUALA LUMPUR 31 Ogos - Menteri Kanan Kerja Raya (MKA) berkata, Kerajaan akan meningkatkan pengurusan dan pemeliharaan bangunan kerajaan.

Ker...

...ditingkat

Audit Negara mendapati tahap penyenggaraan bangunan kerajaan di Kuala Lumpur secara umumnya harus dipertingkatkan dan dinaikkan. Sehubungan itu, Jabatan Kerja Raya (JKR) akan...



1 September 2008 (Isnin)

45 projek ekopelancongan tidak berpotensi

Oleh SAIFUL HAIZAN HASAM



Ambrin Buang

45 daripada 60 kawasan projek ekopelancongan telah disyorkan oleh Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang berkata, 15 kawasan itu pernah dijalankan sebarang kajian ekopelancongan. Ambrin Buang berkata, 15 projek ekopelancongan itu berhadapan dengan masalah dalam projek Agro Pelancongan Kompleks Pertanian Bukit Mertajam di Rezab Perhilitan Wang Pinang, Mukim Kuala...

Ambrin Buang berkata, 15 projek ekopelancongan itu berhadapan dengan masalah dalam projek Agro Pelancongan Kompleks Pertanian Bukit Mertajam di Rezab Perhilitan Wang Pinang, Mukim Kuala...

Ambrin Buang berkata, 15 projek ekopelancongan itu berhadapan dengan masalah dalam projek Agro Pelancongan Kompleks Pertanian Bukit Mertajam di Rezab Perhilitan Wang Pinang, Mukim Kuala...



30 August 2008 (Saturday)

Auditor-General's Report: Books collecting dust



Bundles of books left unopened at the resource centres in Jempol (left) and Rapah, Negri Sembilan.

MANY books and equipment bought for the use in the Kemas resource centres are still kept in boxes because they're not suitable or there are no racks to keep them.

Some furniture bought are also still not assembled but left to collect dust in the corners. On top of that, the Auditor-General also found that some items bought were way over-priced. The purchase of books by Kemas state offices was done by quotation or direct purchases, however, it is not certain on what basis books are selected. An audit on payment vouchers between 2002 and 2006 found some dubious book vouchers involving the Pahang and Perlis Kemas state offices. Four vouchers valued at RM32,539 for the years 2004 and 2005 at the Pahang Kemas office was not supported by documents to show which resource centres would get the books.

Similarly, one voucher at the Perlis Kemas office in 2005 valued at RM21,978 also does not have the necessary supporting documents. So the money's paid but where have the books gone? The Auditor-General himself is "unable to verify the status of the books". And 27 vouchers for RM519,603 paid for the purchase of furniture, equipment, landscape maintenance and computer as well as the repair of resource centres are missing. Meanwhile, some 17 vouchers for RM180,532 are not supported with documents to say where the assets bought were placed. It's again anybody's guess where the bought items have gone.

Kemas is now tracking the missing 27 vouchers and claimed that one has been found. And the destination of the assets bought with eight of the 17 vouchers could be found in its various registers. The department is now drafting a set of guidelines on book purchase to ensure books bought are suitable for its resource centres. The guidelines are expected to be out in July.

GLOSARI

SINGKATAN	NAMA PENUH
JAN	Jabatan Audit Negara
BBP	Badan Berkanun Persekutuan
ASOSAI	The Asian Organisation of Supreme Audit Institutions
INTOSAI	The International Organisation of Supreme Audit Institutions
MTCP	Malaysian Technical Cooperation Program
UAD	Unit Audit Dalam
KAN	Ketua Audit Negara
DUN	Dewan Undangan Negeri
BPA	Bahagian Pengauditan Air
ICT / IT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
HRMIS	Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia
KPDNHEP	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
MARDEC	<i>Malaysian Rubber Development Corporation</i>
ADB	<i>Asian Development Bank</i>
UNDP	<i>United Nation Development Programme</i>